

01/04/2000

Pendekatan baru pulih penagih

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelatih pusat serenti akan diberi latihan mengikut kemahiran masing-masing bagi membolehkan mereka berdikari selepas keluar dari pusat berkenaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata pendekatan baru itu bertujuan meningkatkan keberkesanan program rawatan dan pemulihan, sekali gus mengurangkan peratus penagih berulang.

Beliau berkata, kini, peratus penagih dadah berulang mencapai 70 peratus berbanding bilangan penagih yang menamatkan program rawatan dan pemulihan di pusat berkenaan.

Malah, katanya, projek percubaan pendekatan itu sudah dilaksanakan di Pusat Serenti Sungai Besi dengan menawarkan latihan kemahiran dalam bidang vokasional dan pertanian.

"Dengan cara ini, pelatih bukan saja menjalani pemulihan ketagihan tetapi melakukan sesuatu berfaedah untuk diri, pusat serenti dan kerajaan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Ketiga Majlis Anti Dadah Pemadam Kebangsaan di sini, hari ini.

Ini adalah kali pertama Zainal mempengerusikan mesyuarat itu selepas dilantik sebagai Yang Dipertua Pemadam Kebangsaan menggantikan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub yang meletak jawatan pada 15 Disember lalu.

Pelantikan Zainal oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Penaung Pemadam, berkuat kuasa 16 Disember lalu. Megat Junid yang memegang jawatan itu selama 13 tahun, turut hadir pada majlis itu.

Zainal berkata, pendekatan itu dicuba kerana kerajaan menyedari pelatih mempunyai pelbagai kemahiran, malah sebahagian daripada mereka adalah tenaga profesional sebelum terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

"Kita mahu menggunakan khidmat bekas penagih dadah sebagai sumber untuk memulihkan pelatih baru," katanya.

Berikutan pengenalan pendekatan itu, beliau berharap kerajaan negeri dapat menyediakan tanah berhampiran pusat serenti di seluruh negara bagi membolehkan pelatih menjalani latihan.

"Dengan kawasan tambahan itu, pelatih mempunyai tempat untuk menjalankan aktiviti pertanian dan kegiatan lain yang bercorak vokasional," katanya.

Mengenai Pemadam, Zainal berkata, pihaknya sedang berusaha mendapatkan tapak baru bagi menempatkan Ibu Pejabat Pemadam.

Beliau juga mahu sektor swasta tampil memberi sumbangan kepada Pemadam yang tidak mempunyai sumber kewangan mencukupi untuk melaksanakan projek pencegahan salah guna dadah.

"Pemadam memperolehi sumbangan daripada kerajaan sebanyak RM100,000 setahun tetapi perbelanjaan menganjurkan program pencegahan dadah lebih RM1 juta setahun," katanya.

Sementara itu, Megat Junid mahu semua jabatan kerajaan bekerjasama dengan Agensi Dadah Kebangsaan dan Pemadam bagi memastikan program pencegahan dadah lebih berkesan.

Beliau yang menerajui Pemadam selama 13 tahun, menegaskan tanpa kerjasama semua pihak khusus jabatan di KDN, usaha memerangi dadah tidak akan berkesan.

(END)